

→ SASTERA & BUDAYA

[FOTO AZRI ONN/BH]

Seni bina warisan perlu transformasi

[FOTO MOHD KHAIRUL HELMY MOHD DIN/BH]



Dari kiri, Eddin Khoo, Mohd Tajudin, Zainah dan Shaari ketika Wacana Pra Kongres 2017 Warisan Seni Rupa Bangsa di Muzium Warisan Melayu, UPM di Serdang baru-baru ini.

→ Definisi terbatas punca banyak bangunan lama gagal dipulihara

Oleh Siti Haliza Yusop
shyusop@bh.com.my

↳ Serdang

Definisi lama seni bina Melayu dianggap menjadi punca pengabaian bangunan lama yang memiliki nilai sejarah daripada terus dipelihara dan dipulihara.

Persoalan kewajaran seni bina Melayu 'dibebaskan' dengan definisi baharu itu dibangkitkan pada Wacana Pra Kongres 2017 Warisan Seni Rupa Bangsa di Muzium Warisan Melayu, Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini, baru-baru ini.

Pensyarah Seni Bina Universiti UCSI, Prof Dr Mohd Tajudin Mohd Rasdi, berkata terjemahan seni bina Melayu pada definisi yang dipegang kini menyebabkan bangu-

nan yang sepatutnya dipelihara, tidak lagi dipedulikan.

Sesuaikan dengan era moden

Mohd Tajudin menyarankan seni bina Melayu bergerak bersandarkan kepada minda yang terbuka kepada pelbagai nilai, termasuk demokrasi seperti yang dilakukan masyarakat Eropah yang mentransformasi konotasi warisan dan menyesuaikan dalam era moden.

Beliau mengaitkannya dengan berek polis yang pernah didiaminya bersama keluarga puluhan tahun dahulu.

Katanya rumah itu tidak lagi dipedulikan meskipun ia memiliki ciri berbeza dengan kebanyakan rumah zaman terbahit, termasuk memiliki 'thermal comfort' yang membolehkan pengaliran udara yang baik.

"Persoalannya, bolehkah ia di-

katakan sebagai warisan Melayu? Kita perlu tahu apa yang dikatakan dengan warisan Melayu itu sebenarnya.

"Definisi ini perlu dibuka semula dan keterikatan pada satu idea yang warisan seni bina Melayu terdiri daripada bangunan kayu sahaja akan menimbulkan satu masalah," katanya dalam wacana bertajuk *Pengkajian dan Pelestarian Seni Bina Melayu: Signifikan, Isu dan Cabaran*.

Wacana kendalian Pengasas Pertubuhan Budaya PUSAKA, Eddin Khoo itu turut disertai Ketua Pengarah Jabatan Warisan Negara, Dr Zainah Ibrahim dan Konservator NTQT Sdn Bhd, Shaari Md Saod.

Sementara itu, Zainah berkata, kajian pemuliharaan yang menyeluruh perlu dilakukan bagi memastikan seni bina Melayu tradisi

yang terdiri daripada pelbagai ragam hias, ukiran dan struktur yang unik itu dapat terus dipelihara.

Pulihara binaan Melayu

Katanya, JWN dipertanggungjawabkan untuk meneruskan usaha bagi mengekalkan dan memulihara binaan Melayu ini mengikut Akta Warisan Kebangsaan 2005.

"Fokus kami dalam usaha pemuliharaan ini adalah untuk menjaga dan memelihara serta membaik pulih bangunan ini, malah ada antaranya yang roboh akan dibina semula berdasarkan garis panduan yang disediakan," katanya.

Katanya, pada ketika ini terdapat sejumlah 33 pakar pemuliharaan berdaftar yang dilantik di bawah JWN bagi membantu agensi itu dalam kerja pemuliharaan bangunan warisan ini,

Info

Pewartaan oleh JWN sejak 2006

- **Kategori Warisan** bangunan/monumen, (211), tapak arkeologi (enam) dan tapak semula jadi (dua).
- **Kategori Warisan Kebangsaan** bangunan/monumen (49), tapak arkeologi, (13) dan tapak semula jadi (tujuh).